



PPWM

MALAYSIANS for PEACE

Penaung: **YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir**
(Penyelaras AMAN Malaysia)

Penerbit: **Siti Rohayah Attan**

Penulis Skrip & Pengarah: **Rosminah Tahir**

Sinografer: **Hamzah Tahir**

Pengarah Muzik: **Nik Nizam Jaafar**

Koreografer: **Sharip Zainal Sakgif Shek**

mempersalahkan

muzikal Ibu Zain

13-22 Mac 09
8.30 malam/3.00 petang

MaTiC
Jalan Ampang
Kuala Lumpur



Anjuran bersama



DE MEDIA AND
EVENT ENTERTAINMENT

muzikal
Uu Zain

13-22 Mac 09
8.30 malam / 3.00 petang
Auditorium,
Pusat Pelancongan Malaysia
Jalan Ampang
Kuala Lumpur

Pelakon

Liza Othman, Dato' Rahim Razali, Dato' Jalaluddin Hassan,
Datin Natasha Hudson, Nur Fatimah, Aava Vanja, Najua Nasir P. Ramlee,
Sherry Syed, Farah Adila, Mazin Ameen Siraj, Hamzah Tahir,
Zuhairi Ibrahim, Nurul Elfira Loy, Sarah Batrisyia dan lain-lain

Tetamu Di Raja



DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Tuanku Nur Zahirah

Kata-kata Aluan Penaung

YB DATO' MUKHRIZ TUN MAHATHIR
Penyelaras AMAN MALAYSIA



Assalamua'laikum wbt. Salam Sejahtera

“Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. Begitu peribahasa Melayu menggambarkan jasa bakti Serikandi ini yang telah mencorak negarabangsa Malaysia. Seorang tokoh wanita yang persis Tun Teja, Ibu Zain atau Tan Sri Zainun Munsyi Sulaiman, adalah seorang ibu yang cekal, seorang guru yang dihormati, seorang pejuang yang disegani serta menjadi inspirasi kaum hawa sehingga ke hari ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Persatuan Penulis Wanita Malaysia, CITRA Production, Pusat Pelancongan Malaysia serta Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) dan semua yang terlibat dalam pementasan Muzikal Ibu Zain musim kedua ini. AMAN Malaysia sebagai sebuah badan keamanan amat berbangga menjadi sebahagian daripada produksi ini. Semangat Ibu Zain sebagai seorang guru dan pejuang adalah semangat yang kami kendong dalam misi-misi keamanan kami. Perasaan beliau yang cintakan keamanan tanpa mengenal erti penat wajar disemai ke dalam setiap jiwa anak bangsa Malaysia.

Saya mendoakan produksi ini akan dapat memperkenalkan jati diri, semangat dan budi Ibu Zain dengan berkesan. Kelembutan, kegigihan dan kekuatan beliau adalah satu keseimbangan yang indah. Inilah nilai yang telah membantu rakyat Malaysia melalui pelbagai rintangan sebelum ini, dan saya percaya bahawa inilah juga nilai yang akan melonjakkan kita kepada kejayaan yang tak pernah kita impikan sebelum ini.

Sekian. Terima kasih

MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB DATO' MUKHRIZ TUN MAHATHIR
PENYELARAS AMAN MALAYSIA

Kata-kata Aluan Penerbit

SITI ROHAYAH ATTAN
Presiden PPWM

Salam Teater,

TEATER bukan dunia baru bagi PPWM kerana sejak ditubuhkan pada 1999, PPWM telah mementas dan menerbitkan teater yang ditulis oleh ramai penulis besar antaranya bertaraf Sasterawan Negara seperti Datuk A.Samad Said (teater Lantai T.Pinkie) dan Datuk Noordin Hassan (teater Pelayaran Nur Atma). Kali ini kami tampil dengan karya baru yang bersifat autobiografi Muzikal Ibu Zain. Sebuah karya yang bukan fiksi tetapi sebuah dokumentasi atau sejarah benar. Perihal seorang tokoh dan wirawati yang telah memberikan nafas serta nyawa kepada kita untuk menjadi bangsa yang bermaruah. Makanya, Muzikal Ibu Zain menjadi teater ke-16 terbitan PPWM yang ditulis dan diarahkan oleh Naib Presiden PPWM, Cik Rosminah Tahir. Dengan jumlah 16 teater sepanjang tempoh lebih kurang 10 tahun, ia merupakan pencapaian yang membanggakan apatah lagi ia mendapat sambutan yang hebat. Ini dibuktikan melalui pementasan teater Lantai T.Pinkie, Muzikal Lantai T.Pinkie, Anugerah, Dejavu, Bukan Dejavu, Nyonya dan Muzikal Ibu Zain. Ada di antaranya telah 'keluar kota' seperti ke Seremban, Ipoh dan Alor Setar. Semua kejayaan yang dicapai oleh PPWM adalah berkat dorongan semua pihak yang banyak menghulurkan bantuan. PPWM tidak mungkin akan berjalan, berlari atau tertawa sendiri tanpa pertolongan pihak lain. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Istana Budaya contohnya amat-amat memberi sokongan kepada kami untuk memajukan teater tanah air. Pada kali ini kami amat berterima kasih dan terhutang budi kepada YB Datuk Mukhriz Tun Mahathir yang telah sudi untuk menjadi Penaung bagi pementasan ini. Begitu juga tetamu-tetamu kehormat yang sudi membantu kami. Kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan dan keringat, saya tidak mampu membalas budi tersebut. Tetapi, kita telah melakukan sesuatu yang akan terus dikenang oleh anak cucu kita, sebagaimana yang dilakukan oleh wirawati Tan Sri Zainun Munsyi Sulaiman (Ibu Zain).

“Burung serindit terbang melayang
Mari hinggap di ranting mati
Bukan ringgit dipadang orang
Budi bahasa rangkaian hati”

Semoga jiwa dan hati kita seperti
'Emas Tempawan'.

Terima Kasih.

PERHIMPATAN
PENYEMERAI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN



Kata-kata Aluan Dari Istana Budaya

MUHAMED JUHARI SHAARANI

Ketua Pengarah

ISTANA BUDAYA sentiasa membuka ruang dan peluang untuk sama-sama bergandingan dengan pertubuhan kebudayaan dan kesenian tanah air demi untuk sama-sama merealisasikan pementasan teater yang membawakan nilai patriotisma. Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) telah memberikan komitmen yang tinggi untuk berganding bahu bersama dengan Istana Budaya dalam usaha menjayakan hasrat murni demi pementasan *Teater Muzikal Ibu Zain*.

Dengan pementasan *Teater Muzikal Ibu Zain*, Istana Budaya amat mengharapkan generasi muda tanah air dapat disuntik semangat kecintaan mereka kepada tanah air yang tercinta. Generasi muda hari ini adalah yang bakal pewaris kepada kepemimpinan negara pada masa mendatang. Segala pengorbanan dan kesan moral daripada teater ini haruslah dijadikan iktibar. Pejuang tetap akan selamanya dikenang meskipun jasadnya telah bersatu dengan bumi.

Tahniah kepada semua barisan tenaga produksi *Teater Muzikal Ibu Zain* yang bersatu hati untuk sama-sama menjayakan pementasan ini. Perjuangan yang ditinggalkan oleh Ibu Zain akan selamanya terus hidup dan subur di jiwa anak generasi hari ini.

Moga-moga semangat patriotik yang ditanam dan disiram oleh Ibu Zain akan kekal selamanya di dalam kalbu anak bangsa demi tanah air tercinta!

Kata Aluan Pengarah Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

ROSNINA YAAKOB

Pengarah Pusat Pelancongan Malaysia

Salam Sejahtera,

Sekalung tahniah dirakamkan kepada Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) dan AMAN Malaysia yang mengambil inisiatif untuk mementaskan Teater Muzikal Ibu Zain bagi kali kedua. Teater ini amat signifikan dan amat bermakna kepada sejarah Negara dan juga kepada kaum Wanita di Malaysia. Adalah diharapkan pembikinan Teater bercorak Patriotik ini akan menyuburkan lagi kesedaran masyarakat terhadap peranan kaum Wanita di dalam pembangunan Negara ini.

Di samping itu juga, MaTiC amat berbesar hati kerana terpilih menjadi lokasi bagi Persembahan Teater Muzikal yang bersejarah ini, dan pemilihan MaTiC adalah tepat, memandangkan bangunan MaTiC pernah menjadi saksi peristiwa bersejarah termasuk Persidangan Parlimen pada awal Kemerdekaan Negara.

Semoga persembahan *Muzikal Ibu Zain* musim Ke-2 ini akan lebih berjaya.

Sekian





*Tan Sri Zainun Munshi Sulaiman
(Ibu Zain)*

Sejarah Pementasan

- i. Teater Muzikal Ibu Zain karya dan arahan Rosminah Tahir ini dipentaskan buat kali pertama di Istana Budaya pada 12-18 Ogos 2008 sempena sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia yang ke-51.
- ii. Berkonsep patriotik dan perjuangan, ia dianggap sebagai usaha mengangkat martabat perjuangan wanita UMNO ketika sama-sama menuntut kemerdekaan. Teater ini adalah teater pertama yang mengangkat tokoh wanita. Dalam hal ini, tokohnya ialah Tan Sri Zainun Munshi Sulaiman (Ibu Zain) yang banyak berjuang di Johor.
- iii. Antara pelakon yang menjayakan pementasan Muzikal Ibu Zain Musim Pertama di Istana Budaya ialah Liza Othman, Dato' Rahim Razali, Nur Fatimah, Catriona Bahrin Ross, Avaa Vanja, Sherry Syed, Farah Adila, Tania Zalina, Hisham Ahmad Tajuddin, Mazlan Tahir, Tengku Iezahdiyana Norhanie, Sharip Zainal dan lain-lain lagi

Sinopsis

ZAINUN Munshi Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain, membesar sebagai seorang kanak-kanak perempuan yang cergas dan cerdas. Latar belakang pendidikan agama yang dititipkan oleh bapanya dan ketegasan bapa menghantarnya bersekolah Inggeris telah membuka mata dan jiwa Zainun untuk menjadi pendidik bangsa bukan sahaja melalui jawatan guru yang sangat disenanginya tetapi juga sebagai pengarang yang ditekuninya dan pejuang masyarakat yang membawanya menjadi pelopor pejuang wanita berjihad perkasa.

Laluan hayat yang ditempuhinya adalah waktu-waktu penuh getir zaman penjajahan Inggeris, Jepun, Komunis, Darurat dan kebangkitan penentangan Malayan Union sehingga Malaya mendapat kemerdekaan. Layar masa sebagai isteri kemudian menjadi ibu tunggal beranak tiga dan pada masa yang sama pemimpin kaum ibu sangat menguji kesabaran jiwa dan raga.

Ibu Zain terpaksa akur tidak melanjutkan pelajaran kerana masyarakat waktu itu menolak anak perempuan belajar tinggi. Tetapi, dia mengubati kekecewaan dengan mendirikan sekolah untuk orang kampungnya belajar membaca dan menulis. Beliau difitnah berkasih dengan Dr. Burhanuddin Helmi oleh ahli UMNO sendiri, sedangkan keakraban mereka kerana mewakili negara ke Persidangan Perhubungan Asia di New Delhi. Namun, beliau tetap gigih berjuang.

Ibu Zain juga diberhentikan kerja kerana kelantangannya menentang Malayan Union dan dihina kerana hendak mendirikan rumah kecil dikawasan bangsawan. Ibu Zain kebal dan cekal mengharungi segala cabaran. Suatu ketika walaupun masih sakit kerana tertembak beliau masih mampu berpidato untuk menyekat Dato' Onn daripada meninggalkan UMNO.

Apa yang ingin diperjuangkan Ibu Zain adalah melihat anak bangsanya bebas dan merdeka bukan sahaja daripada penjajah tetapi belenggu pemikiran yang menyekat kemajuan. Keutamaan perjuangan yang mendasar adalah pendidikan akademik dan agama mestilah seimbang seperti katanya "Agama dididik moden dibela". Wanita bukan sahaja muslimah dan pekerja yang baik tetapi paling penting ibu yang sempurna yang dapat mendidik anak-anak menjadi warga negara yang berguna. Hasrat ini diterjemahkan disetiap detik perjuangannya dan diperkukuhkan dengan penubuhan Kolej Tengku Ampuan Mariam yang beroperasi di Istana Mastika Embun Johor Baharu kurniaan Tengku Mariam, adinda Sultan Johor. Di sinilah Ibu Zain mengabdikan semangat dan keringatnya hingga akhir hayat.



Kisah Seorang Wirawati --- Ibu Zain

Zaman Persekolahan

Ibu Zain lahir pada 22 Januari tahun 1903 di Kampung Nyalas, Jasin, Melaka. Anak keenam daripada lapan beradik. Semasa menanti kelahirannya, Munsyi Sulaiman, seorang guru Bahasa Melayu dari Riau di Maktab Melayu Melaka 1900-1915 mengharapkan anak lelaki dan telah menyediakan nama Zainal Abidin. Beliau menyimpan cita-cita anaknya itu akan menjadi pejuang bangsa dan mampu berbakti serta menghalau penjajah dari tanah airnya.

Namun, apabila lahir, mereka dikurniakan anak perempuan. Namun, beliau dan isterinya, Siti Shahirah Haji Khamis keturunan Negeri Sembilan tetap bersyukur. Puteri itu diberikan nama Zainun. Anak kecil yang cantik itu sentiasa didodoi dengan lagu-lagu perjuangan.

Sejak kecil, Ibu Zain seorang yang lasak dan suka bermain dan bergaul dengan budak laki-laki sehingga dipanggil Nal singkatan kepada Zainal Abidin. Nama lainnya ialah Seribanun dan Zainatun Nadzarah tetapi yang kekal mesra ialah Ibu Zain. Pada 1908 Ibu Zain bersekolah tadika dan mendapat pendidikan rendah di sekolah Methodist Girls School Kampung Belanda, Tenggera Melaka.

Tujuan ayahnya adalah untuk menimba sebanyak ilmu dan pengetahuan daripada tuan-tuan penjajah yang boleh digunakan kemudiannya untuk menghalau mereka. Hal ini bagaikan sumpah yang wajib dilaksanakan oleh Ibu Zain. Gurunya Paderi Shellabear pernah mempengaruhi ibu Zain supaya masuk Kristian. Tetapi, ayahnya lebih cekap mendidik apabila setiap malam Ibu Zain diajar membaca Al-Quran, agama dan bahasa Arab.

Beliau meminta Ibu Zain sendiri membezakan antara Kristian dengan Islam. Ibu Zain memilih Islam kerana ia lebih utuh, jujur dan benar. Ibu Zain tidak dapat meneruskan pengajiannya ke peringkat lebih tinggi kerana masyarakat ketika itu mempunyai tanggapan takut anak perempuan akan menconteng arang ke muka orang tua. Apa lagi kalau bersekolah Inggeris, tentu akan menjadi Kristian.



Zaman Remaja Ke Dewasa

Imu yang diperolehi tidak disia-siakan begitu sahaja. Justeru, pada 1916 ketika berpindah ke Kampung Pasuh Jaya Waras sempadan Pahang-Negeri Sembilan, bermulalah era perguruan buat Ibu Zain. Anak-anak kampung diajarnya menulis dan membaca mengikut peraturan sekolah yang dibukanya sendiri pada usia 13 tahun. Sekolah itu menjadi sekolah taman didikan kanak-kanak pertama pernah diusahakan oleh orang Melayu.

Hanya sebentar beliau mengajar di situ kerana 1921 beliau berpindah ke Muar mengikut bapanya yang diperlukan berkhidmat dengan Pesuruhjaya Kerajaan Johor Daerah Muar – Datuk Abdullah Jaafar. Enam bulan kemudian, kegigihannya menjadi pendidik membuah rezeki apabila



Ibu Zain dilantik menjadi guru percubaan mengajar di Sekolah Perempuan Bandar Maharani.

Enam bulan saja telah dilantik menjadi Guru Besar dan kemudian menjadi Guru Pelawat Sekolah-Sekolah Perempuan Daerah Muar dan Batu Pahat. Sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Negeri Johor, Ibu Zain menubuhkan sekolah-sekolah perempuan lain di daerah Kluang, Segamat, Mersing, Kota Tinggi dan Pontian. Ibu Zain juga menubuhkan sekolah agama petang di Johor dan pada 1929 menubuhkan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor.

Pada 1930 kesedaran untuk memberi pendidikan menyeluruh kepada kaum wanita, Ibu Zain telah menerbitkan Majalah Bulan Melayu dan menjadi lidah rasmi Ibu Zain untuk memberi idea dan cita-cita untuk memimpin wanita dalam pendidikan dan moral. Majalah itu juga merupakan satu wadah menentang kewujudan *Hikayat Faridah Hanum* atau *Asyik Mashok* karangan Syed Sheikh Al Hadi yang dianggap lucu dan tidak bermoral. Perdebatan panjang berlaku hingga akhirnya Syed Sheikh Al Hadi meminta maaf kepada Ibu Zain.

Tahun 1934 beliau mendirikan rumah tangga dengan Haji Amin Taib, seorang bekas guru agama. Mereka berkahwin selepas Ibu Zain menunaikan fardu haji. Mereka memperoleh tiga anak iaitu dua perempuan - Khalida Adiba dan Khalida Fadzilah dan seorang lelaki, Sulaiman Shakib.

Zaman Perang

Tahun 1941 Jepun menawan Tanah Melayu tetapi tidak mengubah kedudukan Ibu Zain kerana beliau tetap diterima sebagai penyelia dan guru. Beliau belajar Bahasa Jepun dengan tekad pengetahuan yang diperolehi boleh dijadikan senjata menghalau Jepun. Beliau juga tetap mempersoalkan penjajahan Jepun melalui rencana yang dimuatkan dalam *Warta dan Melayu Raya*. Kritiknya halus dengan kesedaran untuk memajukan bangsa Melayu. Ibu Zain mendesak supaya mata pelajaran bahasa dan agama Islam diajar di sekolah Jepun.



Kesengsaraan wanita diseksa dan diperkosa dan menjadi perempuan simpanan semasa Jepun menanamkan nazar di hati Ibu Zain untuk menubuhkan sekolah khas perempuan dinamakan Sekolah Merdeka bagi memulihkan mereka dari aspek moral dan akhlak.

Beliau membuka kelas agama dan Bahasa Melayu di rumahnya. Kesedaran itu Ibu Zain yang dilantik menjadi pendakwah Jabatan Agama dapat melawat seluruh negeri Johor dan setiap kampung yang dilawati akan beliau tubuhkan "Ibu Sepakat" - Persatuan Suri Rumah Tangga untuk memberi panduan kehidupan berkeluarga dan memulihkan wanita yang rosak akhlak semasa zaman Jepun.

Malang menimpa kerana pada tahun 1945 suami Ibu Zain jatuh sakit. Kesulitan hidup di zaman Jepun sukar untuk mengubati penyakit suaminya yang juga terpaksa menampung kehidupan isteri pertama. Gajinya kecil dan terpaksa bercucuk tanam

untuk menampung hidup. Bagaimana pun, umur Amin tidak panjang kerana ia dijemput Allah juga akhirnya. Kematian suaminya menjadikan Ibu Zain lebih tabah.

Pengembaraan Politik

Pada 1946 Malayan Union diperkenalkan oleh British telah membabitkan penglibatan Ibu Zain dalam politik dengan serius. Dato' Onn telah menulis surat kepadanya untuk terlibat dengan Pergerakan Melayu Semenanjung (PMS) di Johor Bahru. Apabila Kaum Ibu PMS ditubuhkan, ketuanya ialah Azizah Jaafar iaitu adik Dato' Onn manakala Ibu Zain menjadi Pegawai Penerangan. PMS kemudiannya menyertai UMNO. Ibu Zain bekerja keras untuk membantu UMNO menubuhkan Malayan Union. Datin Halimah Husein iaitu isteri Dato' Onn telah mengadakan pasar-pasar sehari untuk memungut derma tabung kewangan PMS dan

UMNO. Begitu juga Ibu Zain membantu meyumbang tenaga untuk mencari dana membiayai kegiatan politik dan kebajikan. Keakraban beliau dengan masyarakat memudahkannya untuk mendapat sokongan dari orang ramai.

Tahun 1947 Ibu Zain diberhentikan daripada tugas menjadi Penyelia Sekolah-Sekolah Perempuan dan Guru Pelawat kerana tiada kelayakan untuk jawatan tersebut. Pelantikannya hanyalah berdasarkan pengalaman. Ibu Zain menerimanya dengan baik. Namun, rezeki perjuangannya diperhatikan apabila beliau dianugerahkan Pingat Sultan Ismail daripada Sultan Johor pada 17 September 1947.

Pada 1948 ketika Dato' Onn menjadi Menteri Besar Johor dan hasil kerjasama dengan PMS pimpinan Dato' Onn, Ibu Zain dilantik menjadi Anggota Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Secara tidak langsung melibatkan diri dengan pentadbiran negeri Johor.

Dalam perjuangannya, Ibu Zain pernah nyaris mati apabila kereta api yang ditumpangnya dari Johor Bahru ke Tanjung Malim diserang hendap oleh komunis ketika di Labis, Segamat. Tujuan perjalanannya adalah hendak membincangkan tunjuk perasaan pelajar-pelajar Maktab Perguruan Tanjung Malim. Ibu Zain tertembak di peha dan terlantar di hospital selama 44 hari. Parut yang terdapat di pahanya itu dikenali sebagai Peta Merdeka!

Ketika itu jugalah berlakunya rapat raksaksa di Bukit Timbalan, Johor (15 Julai 1950) yang membathtah peletakan jawatan Dato' Onn sebagai Yang Di Pertua UMNO. Ungku Abdullah Omar yang menganjurkan perhimpunan meminta Ibu Zain berucap supaya Dato' Onn menimbangkan keputusannya.

Ibu Zain yang belum sembuh terkejut melihat orang ramai memakai lencana UMNO terbalik dan bendera dikibarkan juga terbalik. Sepanduk menyebut 'Dato' Onn Berhenti — UMNO mati'. Ibu Zain mempersoalkan adakah UMNO berjuang untuk menyanjung tokohnya. Apakah tokoh boleh menyebabkan putus asa dan lemah semangat. UMNO berjuang untuk menebus kembali kemerdekaan bukan kerana penganjur atau pemimpin tetapi kerana tanah air.

Ibu Zain bertanya, "Jika Dato Onn dipanggil Allah ke hadratNya mahukah tuan, puan mengikutnya? Mahukah tuan, puan ditanam bersama-samanya di dalam tanah?" Kerana rapat itu Dato' Onn telah menanggukkah peletakan jawatannya buat seketika.

Tahun 1950 Ibu Zain dilantik menjadi Ketua Wanita UMNO Kebangsaan menggantikan Puteh Maria ketua yang pertama. Masa ini UMNO mengalami masalah perpaduan dan Ibu Zain dianggap orang yang paling layak untuk memujuk wanita supaya tidak meninggalkan parti tersebut akibat Dato' Onn meninggalkan parti itu. Beliau dapat memujuk dan menambah ahli dengan mengadakan kunjungan ke serata negeri memberi ceramah kepada kaum wanita.

Ketokohnya telah membawa beliau ke India diundang oleh Sarojini Naidu iaitu Pengerusi Hal Ehwat Dunia menghadiri Persidangan Perhubungan Asia di New Delhi (Inter Asia Conference) 1952. Jemputan ini atas kewibawaan peribadi yang akan membincangkan mengenai keadaan negara-negara yang belum mencapai kemerdekaan. Bersamanya ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Kehadiran mereka berdua ke India kemudiannya difitnah sebagai membuat hubungan sulit.

Menjernihkan suasana Ibu Zain menghadap Sultan Ibrahim Johor. Punca fitnah adalah kerana tanah tujuh ekar di Bukit Sri Lalang dan Istana Mastika Embun kepunyaan Tengku Ampuan Mariam diwakafkan untuk



pengajian tinggi khusus anak-anak perempuan yang diamanahkan kepada Ibu Zain ingin digunakan untuk bangunan ibu pejabat parti UMNO.

Ibu Zain juga diserang penyakit aneh yang menyebabkan doktor menasihatkan beliau berehat di luar negara. Semasa ketiadaan beliau Raja Perempuan Perlis, Tuanku Budriah menggantikan tempatnya sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO selama tiga bulan. Ibu Zain telah ke Colombo bersama 14 orang lain kerana menghadiri Jambori di sana.



Tahun 1952 beliau memainkan peranan penting mewujudkan Kongres Bahasa. Dua tahun kemudian (1954) beliau ke luar negeri lagi menjadi wakil tunggal wanita ke Persidangan Bahasa Melayu-Indonesia di Medan dan menjadi anggota Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya ketiga pada 1956 hingga tertubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1958.

Se kembalinya dari luar negeri jawatan Ketua Kaum Ibu Wanita UMNO telah terlepas ke tangan Khadijah Sidek, seorang pelarian Indonesia yang petah berpidato. Sebelum ini Khadijah Sidek adalah Setiausaha Wanita UMNO Johor Bahru saja. Ibu Zain hanya dilantik menjadi Jawatankuasa Wanita Bahagian Johor Bahru. Hanya 1955 Ibu Zain dilantik sebagai Ketua Wanita UMNO Bahagian Selatan. Beliau telah menolak untuk menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya kerana sibuk mahu menubuhkan Kolej Tengku Ampuan Mariam.

Ibu Zain memperolehi Anugerah Pingat Johan Mangku Negara pada 30 Ogos 1958 daripada Sultan Johor. Setahun kemudian (1959) rapat umum Bukit Timbalan menarik perhatian kaum ibu seluruh Malaya terhadap kepimpinan Ibu Zain. Ibu Zain dipilih menjadi salah seorang wakil kaum Ibu UMNO Negeri Johor ke Persidangan Agung UMNO Malaya di Istana Iskandariah di Kuala Kangsar. Dalam perhimpunan agung inilah Ibu Zain meminta dirinya dipanggil 'Ibu' sahaja. Ini akan memudahkan lagi kerja-kerjanya untuk bergiat terus dalam lapangan pendidikan dan politik.

Pada tahun yang sama kemuncak kegiatannya dalam politik terserlah apabila menjadi calon wakil rakyat wanita tunggal Johor dan bertanding di Parlimen Pontian. Beliau menang dan menjadi wakil rakyat hingga tahun 1964. Kerana pengalaman dalam bidang pendidikan beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Parlimen Bahagian Pelajaran.

Satu isu besar yang diperdebatkan di Parlimen ialah mengenai isu rupa bangsa Melayu. Dato' Onn daripada Parti Negara membangkitkan nama bangsa persekutuan sebagai Melayu. Bagi Ibu Zain kedudukan orang Melayu adalah mengikut peruntukan keistimewaan Melayu fasal 153 Perlembagaan Persekutuan 1957 dan akan terbuka kepada bangsa lain. Hal ini mengganggu kedudukan orang Melayu pada masa hadapan. Pendapat beliau diterima oleh ahli-ahli kerajaan Perikatan sebagai satu sebab menentang Dato' Onn. Hasilnya, anggota pembangkang Melayu terdiri dari PAS dan Parti Negara yang berjumlah 13 orang sahaja mudah dikalahkan oleh Perikatan.

Selepas dua penggal menjadi wakil rakyat, Ibu Zain bersara daripada politik. Namun, beliau tetap

bergiat dengan cergas di dalam UMNO Negeri Johor. Beliau dijemput menjadi penasihat dan penaung cawangan-cawangan dan Jawatan Kuasa Wanita UMNO Johor.

Pada tahun 1964 Ibu Zain mencadangkan supaya tentera wanita ditubuhkan. Pada tahun yang sama beliau telah mengorak langkah dengan mengetuai seramai 150 orang wanita dan menubuhkan Barisan Tentera Sukarelawati di Johor dengan kerjasama pergerakan wanita UMNO Negeri Johor di bawah pimpinan Datin Paduka Fatimah Abdul Majid. Beliau berusaha mendidik anak-anak perempuan Islam Melayu berasaskan cogan kata beliau 'Agama dididik moden dibela. Dunia dikelek akhirat dijunjung'.

Walaupun sibuk berpolitik, minat beliau dalam pendidikan wanita tidak pernah luput. Beliau sangat berhasrat untuk menubuhkan sekolah untuk kanak-kanak perempuan dengan sukatan pelajaran yang dipercayai dapat melahirkan wanita yang sempurna. Bagi Ibu Zain pendidikan akademik dan agama mestilah diajarkan kepada anak perempuan dengan seimbang. Bukan sahaja menjadi wanita muslimah dan pekerja yang baik tetapi paling penting ibu yang sempurna yang dapat mendidik anak-anak menjadi warga negara yang berguna.

Untuk itu, tahun 1958 beliau meneruskan cita-cita yang terbengkalai sejak 1946 dengan membaiki istana lama kepunyaan Tengku Ampuan Mariam, adinda Sultan Johor. Dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 10 Mac 1963 barulah Kolej Anak Emas Puteri Ampuan Mariam ditubuhkan.

Kolej ini menampung anak-anak perempuan yang terkandas di dalam Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia untuk menyediakan mereka dengan Sijil Tinggi Persekolahan bagi membolehkan mereka masuk ke Universiti. Kolej yang bersifat persendirian ini dikendalikan oleh Ibu Zain sebelum diambil alih oleh Kementerian Pendidikan. Inilah tugu kejayaan peribadinya.



Anugerah

Sebagai orang yang berjasa dalam bidang politik beliau diberi penghormatan mencipta senikata lagu "Bendera Berkibar" dan menaikkan bendera UMNO di Stadium Merdeka sempena ulang tahun UMNO ke 21. Malah merupakan Tokoh Guru 1975 dan memperolehi pingat Tun Fatimah Anugerah Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita 1974. Lady of Burma dari Kerajaan Burma dan memahkotakan segala anugerah ini adalah penganugerahan Ijazah Kehormat Sarjana Sastera Universiti Malaya.

Pada 1979 beliau dikurniakan darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong membawa gelaran Tan Sri. Pada 1980 Anugerah Suluh Budiman kerana sumbangannya dalam bidang pendidikan.



Siti Rohayah Altan - Penerbit

GRADUAN bidang Kewartawanan dan Filem dari Universiti Sains Malaysia (USM) ini pernah bertugas sebagai Pengarang Sastera dan Hiburan di akhbar Utusan Malaysia, kemudian meletakkan jawatan 11 Januari 2004 setelah 10 tahun berkhidmat di Kumpulan akhbar tersebut.

Beliau memabatkan diri dalam bidang penulisan novel, cerpen, skrip drama tv dan radio dan biografi. Beliau telah menghasilkan lebih 10 novel dan menulis bersama Noraini Nordin dan Rosminah Mohd. Tahir menghasilkan biografi *Tan Sri Sabbaruddin Chik-Tekokrat Tersingkir* (2007).

Dalam bidang teater, beliau pernah mengarah teater karyanya sendiri seperti *Mencari Juita* (1998), *Akulah Perempuan Itu* (1998) dan *Bulan Menangis* (2003).

Beliau juga pernah diberi kepercayaan oleh Sasterawan Negara Datuk Noordin Hassan mengarah *Pelayaran Nur Atma* (1999). Kemudian mengarah *Dejavu Seorang Perempuan* karya Ismail Kassan pada 1999. Teater ini dipentaskan sebanyak tiga kali iaitu pada 1999. Ia kemudiannya ditukar judul sebagai *Dejavu* dan dipentaskan di Istana Budaya pada September 2004 di bawah arahnya. Sambungan teater itu berjudul *Bukan Dejavu* yang dipentaskan pada Julai 2008 sempena Sambutan Ulang Tahun Ke 52 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masih menggunakan khidmatnya sebagai Pengarah. Beliau juga mengarah teater *Nyonya* karya penulis Indonesia, Wisran Hadi pada 2004 yang dipentaskan di Kuala Lumpur dan Seremban. Keseluruhannya beliau telah mengarah 8 teater sejak 10 tahun lalu.

Di samping itu beliau banyak mengarah persembahan pentas seperti *Malam Puisi Utusan* antaranya disertai oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad (1996) yang membacakan puisi *Perjuangan Yang Belum Selesai*. Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga turut mengambil bahagian pembacaan puisi arahnya pada Mei 2003.

Beliau bertindak sebagai Penerbit dan Pengarah Produksi bagi pementasan teater *Muzikal Ibu Zain musim pertama di Istana Budaya* 2008, *Nyonya* (di Kedah, 2007 dan Istana Budaya, 2008), *Muzikal Lantai T.Pinkie* (di Istana Budaya & Perak tahun 2006), *Anugerah* (2002/1996), *Lantai T.Pinkie* (2000/1997/1996), *Kereta Kencana* (pementasan khas kumpulan Rendra yang dibawa khas dari Indonesia -1998), *Taman Baginda* (1998) dan *Asyura* (1997). Keseluruhannya beliau telah menerbitkan 22 teater sejak 16 tahun lalu.

Anak kelahiran Melaka ini juga banyak menimba pengalaman dalam bidang teater di peringkat antarabangsa. Pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Penulisan Drama Majlis Sastera Asia Tenggara di Bogor, Indonesia (tahun 2000/2001), Festival Teater ASEAN di Brunei (1994) dan mengadakan lawatan serta menyertai seminar di Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, China, Australia, Thailand, Singapura, Perancis dan Filipina.

Berpaksikan konsep feminisme beliau turut menghasilkan novel seperti *Cinderella*, *Romeo & Juliet*, *Meniti Ranjau Kasih*, *Trilogi Wajah Wanita*, *Di Sini Luruhnya Musim Kasih*, *Primadona Minden*, *Kasih* dan *Airmata*, *She's Is Johana* dan banyak lagi. Pengalaman dengan Terlibat juga dalam penulisan drama televisyen seperti *Mencari Al-Zahra*, *Hujan Di Hati Kamariah*, *Mama Rock Skuter Merah* dan lain-lain.

Dalam bidang politik, beliau adalah bekas Exco Penaja Puteri UMNO peringkat Pusat.



Rosminah Mohd. Tahir - Penulis Skrip & Pengarah

ANAK kelahiran Muar, Johor ini tamat pengajian sarjana di USM dalam bidang teater. Antara karya pentasnya ialah *Dadah* (1983), *Pahlawan* (1987), *Nostalgia* (1990), *Merdeka* (1990), *Sang Singa* (1990) dan *Api* (1991).

Antara drama radio (1970-1992) adalah *Adikku Sayang*, *Nenek*, *Penyambung Kasih*, *Kabut Pun Berlalu*, *Laungan Keramat*, *Terima Kasih Cikgu*, *Nasi Lemak Sebungkus*, *Di Alun Gelombang*, *Dusun Tok Ayah* dan *Saat Terakhir*. Diikuti drama pentas *Satu* (1993), *Gadis Melayu* (1994), *Seru* dan *Syukur* (1998), *Tanjong Joget* (1999) dan *Masuri* (2000). Manakala, skrip monodrama yang dihasilkan ialah *Alim* (2003) dan *Kopi Panku* (2005).

Hubungan dengan Datin Seri Endon Mahmood amat akrab. Puisi ciptaan beliau *Kata Kasih Mahkota Hati* merupakan puisi yang membawa Datin Endon Mahmood mendeklamasikan puisi kepada khalayak. Hakikat Damai menjadi puisi terakhir yang sempat disampaikan oleh Datin Seri Endon sebelum beliau kembali ke Ramatullah.

Teater *Anugerah* (1996) adaptasi novel karya Zaharah Nawawi menjadi titik tolak beliau menulis drama pentas secara komersial. Menyusul, teater *Lantai T.Pinkie* (1997) karya Datuk A.Samad Said sebagai teater pertama bertiket paling mahal ketika itu. Kemudian naskah itu dijadikan *Muzikal Lantai T.Pinkie* yang dipentaskan di Istana Budaya (2006) dan Perak (2006) yang mana beliau menulis semula skripnya dalam bentuk muzikal.

Beliau juga mengarah dan menulis skrip teater *Malam Haram* karya Ku Seman Ku Husein dan bangsawan *Tengku Anum* karya asal Morad Ibrahim. Manakala, teater *Puteri Hang Lipo* arahan beliau di Istana Budaya menjadi box-office. Lain-lain teater arahnya ialah *Cucu* (1995), *A Modern Women* (1996 di bawa ke Festival Teater Eksperimental di Cairo), *Gik Ros* (1999), *Raden Galoh* (2000), *Medea* (2000), *Monodrama Alim* (2003), *Kopi Panku* (2005) dan *Kesuma* dan *Rebab Berbisik* (2007). Teater arahan beliau *Nyonya* karya

Wisran Hadi yang dipentaskan di Istana Budaya Februari 2008. Itu merupakan kali kedua arahan beliau yang mana sebelum ini ia telah dipentaskan di Alor Setar, Kedah pada 2007. Karya dan arahan terbaru beliau adalah *Teater Muzikal Ibu Zain* yang dipentaskan di Istana Budaya pada Ogos 2008 sempena sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan yang ke-51. Bersama Siti Rohayah Attan dan Noraini Nordin beliau menulis buku biografi *Tan Sri Sabbaruddin Chik - Teknokrat Yang Tersingkir* (2007.) Beliau kini merupakan Dekan Fakulti Teater Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) dan Naib Presiden PPWM.



Nik Nizam Jaafar - Pengarah Muzik

ANAK muda berusia 39 tahun ini banyak terlibat dalam penciptaan lagu. Pernah menganggotai kumpulan muzik HAVEA sekitar tahun 1991. Beliau pernah menerbit dan mencipta lagu untuk artis-artis terkenal tanah air seperti Dato' Yusni Hamid, Datin Orkid Abdullah, Datin Julie Sudiro, Aspalela Abdullah, Krysha, Intan Sarafina, Bob AF, Haziq, Rosiah Chik, Kumpulan Nasyid Surinita, El Suraya, Don Suresh, Rockafella dan banyak lagi. Beliau juga pernah terlibat sebagai Pengarah Muzik, Penolong Pengarah Muzik, Komposer dan juga pemuzik untuk *Teater Tengku Anum*, *Tun Fatimah*, *Konsert Nakasari*, *Cindai*, *Siti Zubaidah*, *Siti Di Alam Fantasi*, *Malim Deman*, *Makyong Raja Tangkai Hati*, *Rubiah* dan *Drama Tari Pentas dan Muzikal Ibu Zain*. Antara pencapaian dalam bidang muzik, beliau pernah menjadi peserta akhir untuk lapan tahun berturut-turut dalam Sayembara Mencipta Lagu Puisi Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1999 – 2008, peserta akhir Juara lagu Ke-21 (TV3) – *Hantaran Hati* – Bob AF &

Aspalela Abdullah. Beliau pernah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (2004). Pencipta lagu kemerdekaan ke 50 tahun *Malaysiaku Gemilang* 2007. Memenangi 5 pingat emas dalam pertandingan *World Championship Of Performing Arts 2008* di Los Angeles, California.



Sharip Zainal Sakgif Shek - Koreografer

ZAINAL adalah anak kelahiran Kudat Sabah. Beliau merupakan salah seorang graduan ASWARA jurusan Diploma Seni Tari. Pernah mewakili Malaysia dalam beberapa program mempromosikan Malaysia dan festival tari antarabangsa. Antaranya adalah *Pappa Tara Humara*, *PeTA (ASK)*, *Stepping Out*, *My Dance Festival*, *Jamu*, *Fete D'LA Musiqqa*, *Tari 05*, *Festival Teater Tradisional Antarabangsa 06*, *Muzikal Ibu Zain* dan banyak lagi. Beliau pernah menerima biasiswa dari KEKKWA dalam bidang tari dan Muzik di Cudamani Gamelan Dance and Music Summer Institute Bali, Indonesia.






Hamzah Mohd Tahir - Sinografer & Syed Sheikh Al- Hadi

DILAHIRKAN di Sungai Raya, Bukit Pasir, Muar, Johor. Mula berkecimpung dalam bidang teater sejak 1983 sehinggalah sekarang. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang seni persembahan dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Kemudian melanjutkan pelajaran peringkat sarjana dalam bidang sinografi di Central Saint Martins, London Institute, United Kingdom dan University of Industrial Arts, Helsinki dalam senireka produksi tv dan filem pada tahun 1996. Beliau bukan sahaja tampil sebagai pelakon, bahkan sering muncul sebagai sinografer, ahli muzik, pereka kostum, pengarah dan penasihat artistik. Pernah mengadakan beberapa persembahan di China, United Kingdom dan Mesir. Beliau pernah memenangi anugerah sebagai Pelakon Lelaki Terbaik peringkat Negeri Pulau Pinang dan kebangsaan dalam Pekan Teater 1991. Juga turut menjayakan *Muzikal Lantai T. Pinkie* & *Muzikal Ibu Zain* sebagai sinografer dan pementasan *Muzikal Puteri Gunung Ledang* (PGL) dengan memegang watak sebagai Bendahara Melaka. Sekarang bertugas sebagai Pensyarah di Program Teater, Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik, UiTM. Yang terbaru, beliau juga menjadi juri dalam program Sehati Berdansa Musim Kedua terbitan Astro.



Azizul Zahid Jamil - Pengarah Teknikal Teater

Dikenali dengan panggilan Toemoe dan berasal dari negeri Perak Darul Ridzuan. Merupakan lulusan ASK kumpulan pertama. Sebelum menjejak ASK, beliau terlebih dahulu mendalami bidang insurans di UiTM. Oleh kerana minat yang mendalam terhadap teater, maka diteruskan pembelajarannya dengan mengambil pengkhususan dalam bidang sinografi. Toemoe sering menjadi pereka cahaya bagi produksi di Istana Budaya, Actor's Studio, Auditorium DBKL dan produksi anjuran ASK. Antara produksi yang pernah mendapat sentuhan beliau ialah *Muzikal Lantai T. Pinkie*, *Where River Meets*, *Zapin Nusantara*, *Dejavu*, *Siti di Alam Fantasi*, *Bangsawan Tengku Anum*, *Demi Zaiton*, *Anugerah*, *Bukan Dejavu* dan banyak lagi. Selain mahir dalam bidang teknikal, beliau mengajar sambilan di Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA). Beliau juga menerima Anugerah Seni Negara (Bakat Muda) Pereka Tatacahaya 2009.



Shahrul Mizad Ashaari - Pengurus Pentas

PENSYARAH dan graduan dalam bidang teater Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pentas, terutamanya teater. Beliau banyak bekerja sebagai Pengurus Pentas di beberapa tempat seperti Istana Budaya dengan pengarah besar termasuk teater *Muzikal Ibu Zain (2008)*, *Anugerah*, *Lantai T. Pinkie*, *Bulan Menangis*, *Tun Perak*, *Dejavu*, *Nyonya*, *Bulan Menangis* dan sebagainya. Selain itu beliau juga mempunyai kehebatan dalam bidang lakonan dan bakat itu terserlah dalam beberapa teater, antaranya *Makyong Anak Raja Gondang*, *Bangsawan Raja Laksamana Bentan*, *Cinta Di Musim Panas*, *Paduka Oedipus*, *Proses*, *Jangan Bunuh Sam*, *Lembu*, *Kesuma* dan *Biarkan Bulan Menangis*. Bakat pengarahannya juga terserlah apabila mengarah bangsawan Benda-hara Garang Perak.



Sarina Azizan - Pereka Kostum

MULA berkhidmat di Istana Budaya pada tahun 2003 sebagai Pereka Kostum. Selain mereka bentuk kostum untuk teater, beliau juga turut terlibat dalam program-program luar seperti Program Merakyatkan Seni, Rumah Terbuka Krismas, Sepetang di Istana Budaya dan Sambutan Tahun Baru Cina. Beliau juga telah diberi kepercayaan untuk mereka pakaian bagi Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK). Beliau banyak terlibat dalam produksi antaranya *Konsert Kasih*, *Teater Titiwangsa*, *Paluan Nakasari*, *Teater Ma Ho Huan*, *Dramatari Pentas*, *Teater Kanak - Kanak Ali Baba*, *Muzikal Ibu Zain (2008)* dan banyak lagi.



Liza Othman Sebagai Ibu Zain (Tua) Dan Siti Shahirah

PELAKON ini muncul awal 80-an dalam bidang teater. Kemunculan beliau ketika itu dianggap sebagai pencabar besar bagi kalangan pelakon wanita. Liza dianggap sebagai seorang wanita yang luar biasa bakatnya. Kemampuannya menjiwai watak menyebabkan beliau sentiasa menjadi pilihan utama di kalangan pengarah-pengarah terkenal. Pernah muncul dalam teater *Misunderstanding* arahan Allahyarham Mustapha Noor, *Salina* arahan Johan Jaaffar, *Wira Bukit*, *Anak Kerbau Mati Emak* arahan Mior Hashim Manap, *Caught In The Middle* arahan Thor Kah Hoong, *For The Time Being* arahan Maureen Ten, *The Visits* arahan Ida Nerina dan yang terbaru Muzikal *Ibu Zain* arahan Rosminah Tahir. Mana kala drama-drama TV pula, Liza menampilkan lakonan yang mantap dalam *Asma Amira* arahan Rahim Razali, *Pencari* arahan Shuhaimi Baba, *Novel* Oleh Atika arahan Nasir Jani dan siri komedi *Studio 5* arahan Shuhaimi Baba. Dalam dunia perfileman pula, Liza memperlihatkan kemampuannya dalam *Tsu Feh Sofiah* arahan Rahim Razali, *Kembara...* *Seniman Jalanan* arahan Nasir Jani, *Ujang* arahan Othman Hafsham, *Mat Gelap* arahan Zarul Al-Bakri dan *Selubung* arahan Shuhaimi Baba.

Nur Fatimah - Sebagai Ibu Zain (Dewasa)

GADIS kelahiran Taiping, Perak ini pernah menganggotai Tunas Budaya di Istana Budaya dari tahun 1990 hingga 2000. Beliau juga telah membintangi 11 teater sejak berumur 14 tahun. Antara teater lakonan beliau adalah *Lagenda*, *Dewi Bunga*, *Taman Baginda*, *Bawang Putih Bawang Merah*, *Siti Di Alam Fantasi*, *Rubiah*, *Antara Selat Ke Benua*, *Tun Perak* dan yang terbaru *Muzikal Ibu Zain (2008)*. Beliau telah menulis lebih dari 50 buah lagu untuk penyanyi popular tanah air, antaranya Jaelyn Victor, Nikki, Diddy AF, Mila AF, Dina, Misha Omar, Kaer dan ramai lagi. Berkat kesungguhan dan kegigihan, beliau telah menjadi juara Golden Teen Search 1999 di RTM2 dan telah menerima Anugerah Komposer Muda Berpotensi MACP 2008.



Nurul Effra Loy Ahmad Sabri sebagai Ibu Zain (Remaja)

GADIS 15 ini mula menceburi dalam bidang teater pada 2006 melalui teater *Ali Baba* arahan Zaifri Husin di Istana Budaya. Selain itu, beliau juga terlibat dalam *Teater Keliling Muzikal Kanak-kanak Ali Baba* di Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu dan mewakili Malaysia ke *8th International Children Festival for Performing Arts 2007* di New Delhi, India di mana kumpulan tersebut telah memenangi persembahan terbaik. Yang terbaru, beliau berlakon dalam *Muzikal Ibu Zain* di Istana Budaya arahan Rosminah Tahir. Beliau juga muncul dalam telemovie dan episod seperti *Tentang Bulan the Series*, *Rakan BTHO*, *Cinta itu Buta*, *Persis* dan *Kak Long*. Turut menjadi hos program *Cuti-cuti Famili*, *Berani Jadi Bos*, *Selamat Pagi Putera Puteri*, *Shana* dan *Nina*. Pernah terlibat dalam rancangan *Tom-tom bak*, *Macam-macam Aznil*, *AC Disini*, *Geng Bas Sekolah* dan banyak lagi.



Sarah Batrisyia Ahmad Salman sebagai Ibu Zain (Kanak-kanak)


Atas galakan bapanya, pelakon cilik berusia 10 tahun ini berlakon untuk kali pertama dalam *Muzikal Ibu Zain* musim pertama di Istana Budaya 2008. Disusuli pula dengan *Sinbad* (Istana Budaya) dan kali ini diberi amanat sebagai Ibu Zain (Kanak-kanak). Anak kedua daripada empat adik-beradik yang menuntut di S.K. Puchong Utama 2 ini juga aktif dalam olahraga sekolah, terutamanya lumba lari.



Dato Rahim Razali Sebagai Munsyi Sulaiman

MENCEBURI bidang seni sejak tahun 1960-an. Menulis dan mengarahkan lapan filem cereka sejak 1981. Sebahagian filem-filem beliau telah terpilih atau dijemput mewakili negara dalam pesta filem antarabangsa, antaranya *Tokyo International Film Festival*, *London International Film Festival*. Selain dari pada menulis dan mengarah di dalam filem, beliau juga menulis dan mengarah beberapa drama TV.

Antara anugerah yang diterima beliau dalam *Festival Filem Malaysia*, iaitu Pelakon Lelaki Terbaik (1981 dan 2007), Skrip Terbaik (1981 dan 1986), Lakon Layar Terbaik (1984), Pengarah Terbaik (1984 dan 1986). Terbaru, beliau terlibat dalam pementasan *Muzikal Ibu Zain* musim pertama di Istana Budaya.



Dato Jalaluddin Hassan sebagai Pandak dan Ungku Omar

SEBUAH nama yang besar dalam industri seni tanahair sama ada dalam filem, drama televisyen atau teater. Beliau telah berlakon dalam ratusan drama televisyen dan filem. Beliau banyak terlibat dalam persembahan teater kerana bidang seninya memang dicungkil dari teater. Antara teater yang pernah dilakonkannya ialah *Mencari Juita*, *Puteri Gunung Ledang*, *Tun Sambanthan*, *Merdeka!Merdeka!Merdeka!*, *Muzikal Lantai T.Pinkie*, *Patung Kertas*, *Bukan Dejavu* dan *Patriot*. Beliau juga adalah penerima Anugerah Seni Negara Kategori Pelakon Teater 2009.



Zuhairi Ibrahim sebagai Yunus

MELIBATKAN diri dalam pelbagai bidang seni dengan kemampuan sebagai pemuzik dan pelakon pentas, televisyen dan filem, penyayi dan penari. Memulakan kerjaya sebagai pemuzik di Panggung Negara dan Istana Budaya. Terlibat dalam banyak persembahan seni di peringkat nasional dan antarabangsa. Di pentas teater pernah muncul antaranya dalam *Teater Lantai T. Pinkie* dan *Muzikal Lantai T. Pinkie* arahan Rosminah Tahir, *Mencari Juita* dan *Dejavu* arahan Siti Rohayah Attan, *Muzikal KL Oh KL* arahan Datuk Rahim Razali, *Tun Mamat* dan *Puteri Gunung Ledang* arahan Aziz M. Osman, *Patung Kertas* arahan Lokman Ghani dan yang terbaru *Bangsawan Puteri Saadong* arahan Seniman Negara Rahman B.. Selain itu, beliau juga berlakon Drama TV seperti *Limau Nipis Limau Mandrin*, *Surat Terakhir*, *Puteri Al-Bino*, *Anak Penarik Beca*, *Hujan di Hati Kamariah* dan *Buah Hati Umi*. Beliau kini bertugas sebagai Penolong Pengurus di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC).



Mazin Ameen Siraj Sebagai Amin Dan Cheese Man

BELIAU berketurunan Arab dan Serani. Berasal dari Melaka, kemudiannya berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan pengajiannya. Sepanjang berada di Kuala Lumpur, beliau telah banyak terlibat dengan pelbagai kegiatan seni tanah air. Mula mengasah bakat sebagai pelakon dengan memegang watak chef Perancis untuk drama *TV Idaman II* dan menjadi model untuk iklan produk. Selain itu, beliau juga terlibat dengan persembahan teater *Merdeka! Merdeka! Merdeka!* yang telah dipersembahkan di Istana Budaya dan persembahan *Pantomime* di KLPAC pada tahun 2002.

Seterusnya beliau terus mengorak langkah dengan membintangi drama TV bersiri *AGEN 016*, *Manjalara*, *Di Usia Emas*, *Di Pinggiran Hati* (2008), *Sofiah Adawiyah* (2008) dan *Cintamu Bukan Milikku* (2008). Pada tahun 2007, beliau terlibat dengan teater *Sarah* dan *Keris* yang dipentaskan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Muzikal Ibu Zain* (2008).





*Datin Natasha Hudson sebagai
Ms Ruth*

MODEL-pelakon Australia-Melayu/Indonesia ini mula mendapat perhatian dalam dunia seni sejak berusia 7 tahun lagi. Beliau merupakan pemenang Pelakon Harapan Wanita melalui filem *Chermin* pada Festival Film Malaysia 2007. Turut menerima pencalonan sebagai Pelakon Wanita Terbaik dalam Anugerah Skrin TV3 2007, *90/100 FHM Sexiest Woman in the World 2005* dan banyak lagi. Bakat penulisan beliau boleh dilihat melalui buku puisi Bahasa Inggeris beliau yang berjudul *My Heart, My Soul, My Passion* dan buku cerita kanak-kanak, *Puisi Indah Si Pari-pari*. Menjadi model popular pelbagai rangkaian jenama terkenal, beliau banyak terlibat dalam iklan, catwalk, duta, klip video, pengacara TV dan sebagainya. Turut berlakon dalam drama *Pei Pan*, *Rahsia Cemara*, *IBon Junior* dan banyak lagi. Terbaru, beliau terlibat dalam filem *Tipu Kanan Tipu Kiri* yang menonjolkan bakatnya dalam nyanyian dan tarian. *Muzikal Ibu Zain* merupakan teater pertama beliau.



Avaa Vanja Sebagai Ms. Shellabear

DICALONKAN sebagai Pengacara Paling Popular 2001 (Anugerah Bintang Popular) dan Pelakon Harapan (Anugerah Skrin 2008), beliau banyak terlibat dalam drama TV seperti *Spanar Jaya*, *Tiga Teruna* (arahan Hani Mohsin), *Cinta Tiga Segi* (arahan Kamarulzaman), *Sembilu* dan *Gerak Khas* (arahan Datuk Yusoff Haslam) dan *Jihad Khadijah* (arahan Wan Hussien). Antara filem lakonan beliau adalah *Dukun*, *Kala Bulan Mengambang* dan yang terbaru adalah *Dia Datang* arahan Saiful Apek. Beliau menjadikan *Muzikal Ibu Zain* sebagai platform pertamanya untuk terlibat dalam bidang teater.



*Farah Adila Apandi Sebagai
Jemaah Dan Ramlah (Besar)*

MERUPAKAN graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sesi 2002 – 2005. Pernah berlakon teater antaranya *Antigone* dan *Nyonya* yang pernah dipentaskan di Taman Budaya Negeri Kedah, Selamat Malam Mama dan banyak lagi. Sementara drama TV pula, beliau pernah membintangi *MyaZara*, *Haryati 2* arahan Erma Fatima, Malam-Mama, *Muzikal Ibu Zain* (2008) dan banyak lagi...




*Shariffah Mariam
Syed Abdullah Al-hadad sebagai Jumilah*

PEMENANG Pelakon Harapan dalam pertandingan monodrama di Universiti Sains Malaysia 2008, Sherry merupakan Graduan ASK dalam Diploma Teater selama tahun. Semasa di ASK beliau melibatkan diri sebagai pelakon dalam beberapa produksi iaitu *Atap Genting Atap Rumbia* arahan Marlia Musa, *Dua Bulatan Pukul Enam* arahan Namron, *Menaechmi* arahan Rohani Yousoff, *Teater Gadis Dalam Rumah* (2008), *Randai Saya* dan *Hujung Kota* karya SN Datuk Noordin Hassan dan banyak lagi. dan banyak lagi. Selain itu terlibat sebagai Pengurus Pentas untuk *Muzikal Kesuma* arahan Rosminah Tahir dan *Bukan Dejavu* arahan Siti Rohayah Attan. Beliau juga pernah terlibat dalam produksi luar ASK seperti *Tunku The Musical*, *F for Female* dan *Race* di KLPac. Sekarang beliau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah di ASWARA.

Najua binti Nasir P. Ramlee sebagai Cikgu Munah

PELAJAR ASWARA ini mewarisi darah seni yang daripada datuknya Tan Sri P. Ramlee. Banyak terlibat dalam pementasan teater, antaranya *Puteri Gunung Ledang*, *Teater Muzikal Tok Rimau 1, 2 & 3*, *Opera Ayu Cendana*, *Teater Kanak-kanak Sampah*, *Dari Bintang ke Bintang*, *Kembang Layarku*, *Tanah Perak Pasir Berdarah*, *Teater Muzikal Kesuma*, *Don't Look Back*, *Lawyer Dahlan*, *Lorong Blues*, *Teater Kanak-kanak Gamat*, *Penunggu Pusaka*, *Muzikal KLku*, *Teater Ekspresi 'DARA'*, *Bangsawan Raden Galoh*, *Teater Klasik Meabeth*, *Teater Ekspresi TAT NENAS*. Beliau juga banyak berlakon dalam drama TV, iklan dan nyanyian, antaranya, penyanyi jemputan di Saloma Bistro sebagai wakil P.Ramlee. Beliau juga menjadi tenaga pengajar di Sanggar Teater Fauziah Nawi (STEFANI) dalam bidang muzik dan lakonan.



Intan Diyana Zainal Abidin sebagai Arah

Intan Diyana dilahirkan pada 3 Januari 1987 di Taman Melawati Kuala Lumpur. Menamatkan pengajian SPM di SMK Taman Melawati. Beliau pernah mengikuti kumpulan YAYASAN SENI KARYA PRIHATIN ketika usianya 16 tahun. Memasuki ASWARA pada usia 18 tahun dan sejak itu bakatnya mula dikupas oleh para pensyarah dan senior. Di antara produksi teater yang pernah dilakonan oleh beliau ialah *Pentas Opera* arahan Nam Ron, *Si Yatim Chaou*, *Teater Klasik* arahan Rohani Yusoff, *No Exit* arahan Kahairul Nazwan, *TANDA* arahan Nam Ron, *TST* arahan Arif Waran sempena *KL FRINGE*, *Muzikal Ibu Zain* arahan Cik Rosminah Tahir dan *Projek Kokken* arahan Wan Fared Ayam dan Zahiril Adzim.



Jeffri Haron sebagai Dato' Onn


Pemuda berusia 31 tahun ini berasal dari Mersing, Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di daerah Mersing sebelum melanjutkan pelajaran di dalam senilukis dan senireka, Universiti Teknologi MARA. Beliau mula berjinak-jinak di dalam bidang seni dengan seni tari. Beliau bergiat aktif di dalam bidang tari sewaktu menuntut di UiTM, Shah Alam. Memandangkan minat di dalam bidang seni telah membawa beliau untuk meneruskan kerjaya beliau di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau banyak terlibat dengan produksi-produksi anjuran ASWARA sebagai Pengurus Produksi mahupun Penolong Pengurus Produksi. Selain itu, beliau juga pernah terlibat sebagai pelakon dan penari di dalam pementasan *Randai Puti Nilam Sari* dan juga *Lantai T.Pinkie*.



Roydy Anuar Mohd Sauly sebagai Abang

Dilahirkan pada 11 September 1984 di Kuantan, Pahang, graduan Diploma Penulisan Kreatif ASWARA ini kini menetap di Kuala Lumpur. Antara skrip drama pentas yang pernah dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Cengkaman*, *Titisan Darah Perjuangan*, *Dukun Anjang*, *Teater Kanak-kanak Si Ketam Cilik*, *Perhimpunan Burung*, *Dusta*, *Perangkap*, *Play Me*, *Dogma*, *Kontaminasi*, *Melodi Tirai Besi* dan yang terbaru, *Bangsawan Raja Badang*. Antara skrip drama TV adalah seperti *Mad Mid Mod*, *Tiga Bujang Pingitan*, *Hostel*, *Pelangi Petang*, *Apa Nak Dikata*, *Salahkah Bertanya?* *Khianat* dan *Iktikad Kasih Ibu*. Beliau juga aktif dalam lakonan teater. Antara penglibatan beliau dalam bidang lakonan adalah seperti teater *Mahkamah Keadilan*, *Dato' Maharajalela*, *Tok Bomoh*, *Bangsawan Duli Mahkota*, *Menyerahnya Seorang Perempuan*, *Belasungkawa*, *Gema Merdeka ASWARA*, *Awal dan Mira*, *Randai Sabai Nan Aluih*, *Imbas*, *Charley's Auntie (ASWARA)*, *Bangsawan Menjunjung Duli* dan *Tok Perak (DBP)* dan *Muzikal Ibu Zain (2008)*.






*Siti Asmeira Zulaigha Hamsuri
Sebagai Ramlah (Kecil)*

BERUSIA 11 Tahun dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Bandaraya, Bangsar. Pernah muncul dalam promo *Tom Tom Bak* (Astro), *Macam-Macam Aznil* (Astro), *Rancangan Pondok-pondok* (TV3), *Teater Aladdin* (Istana Budaya), *Patung Kertas* (MTC), *Randai Kasih Menanti* (Istana Budaya), *Bukan Dejavu* (DBP) penari cilik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan *Muzikal Ibu Zain* (2008).

—❖❖—



*Nurul Syariza Nor Azim Sebagai
Ibu Zain (Kanak-kanak)*

ANAK gadis ini mula bergiat cergas dalam bidang seni sebagai penari kanak-kanak di bawah Pak Ngah Production. Beliau pernah terlibat dalam *Teater Muzikal Kanak-Kanak Aladdin* pada tahun 2007, *Teater Muzikal Kanak-kanak Sinbad* (2008), *Teater Muzikal Ibu Zain* (2008) dan rancangan televisyen *Selamat Pagi Sayang* (RTM).


—❖❖—



Rasdi Daud sebagai Askar Jepun

Dilahirkan di Kuala Lumpur pada 1963 dan bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur. Berlakon dengan Badan Budaya DBP mulai 1986 dengan teater *Zaman Gerhana*, *Hikayat Qaziq dan yang terbaru, Bukan Dejavu* (2008). Sepanjang tempoh bersama Badan Budaya, beliau telah berlakon dalam 25 produksi seperti *Salina*, *Rumah Manusia*, *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris*, *Imam*, *Patah Sayap Terbang Jua* dan banyak lagi. Beliau juga pernah mewakili Negara ke First Asean Theatre Festival di Manila, Filipina (1998) melalui drama *Tok Selampit*. Beliau pernah muncul dalam produksi lain seperti *As-syura* (1997), *Alang Rentak Seribu* (2003) dan *Muzikal Ibu Zain* (2008).

—❖❖—



*Mohd Hafdzi
Abdul Rashid @ Haf Dzi Sofi
sebagai Ketua Jepun*

Juga dikenali sebagai *Lizard*, beliau adalah Graduan Diploma dalam pengarah - filem Akademi Seni Kebangsaan 2006/07 ASWARA. Pernah terlibat dalam banyak teater seperti *Pegawai Khalwat* (2004), *Antigoni* (2004), *Bangsawan Puteri Patmawati* (2004), *Bangsawan Megat Panji Alam* (2005) *Bangsawan Bendahara Garang Perak* (2006), *Bangsawan Menjunjung Duli* (2007/2008) *Bangsawan Puteri Saadong* (2008) arahan Seniman Negara Rahman B., *Makyong Raja Muda Laksamana* (2005), *Bangsawan Keris Lasamana Bentan* (2006), *Muzikal Lantai T Pinkie* (2006) arahan Rosminah Tahir, *Bangsawan Raja Andak Raja Laksamana* (2007), *Sambanthan* (2008) arahan ST Bala, *Saya dan yang terbaru Dari Hujung Kota: Kolaj'karya SN Dato' Nordin Hassan*. Juga terlibat dalam produksi televisyen seperti *CID* dan *Edisi Siasat* dan pengarah filem pendek projek pelajar. Bakatnya dalam lukisan komik pula digunakannya sebagai story board artist dalam filem *Jangan Pandang Belakang* (2007) dan *Gara-gara 2 Dara* (2008).



Kaum Muda

Mohd Adika Zainal
 Mohamad Nizam bin Hj Yamin
 Mohd Hafdzi b Abd Rashid
 Roydy Anuar Eddy Sauly

Kaum Ibu

Shahanaros Shahrudin
 Siti Nor Khatijah Said Abd Malek Shah
 Grace Yeoh Ern Hui
 Suraya Suryani



Pelakon Kanak-kanak

Anas Syafiq Othman
 Muhammad Nabil D'Zulkiflee
 Syamsul Izzat Haziq Rahizad
 Ahmad Aqil Syazani Ahmad Salman
 Sarah Batrisyia Ahmad Salman
 Nurul Elfira Loy Ahmad Sabri
 Nurul Syariza Nor Azam
 Siti Asmieda Husna Hasmuri
 Siti Asmeira Zulaqha Hasmuri
 Siti Nur Qurratu'ain Bt Badrul Izwanni

Korus (Dancer)

HAZRA GHAZALY, NORSAFINI JAFAR, W.NURUL AMEERA W.MAZLAN, NIK NUR AZLINA NIK IBRAHIM, NOR-BAIZURA ABDUL GHANI, MURNI OMAR, NURSHAFIQAH ZAKARIA, MARRULHUDA MAWARDI, NUURFALIZA SAAD, MOHAMAD AZIZI MANSOR, MOHD FAUZI AMIRUDIN, MOHAMMAD KHAIRI MOKHTAR, MOHAMMAD FARIZUAN YAHYA, RAYNER MAILAP, ZAINORIN TULIJOL, DENNY DOMIUS, SUFI ASYRAF MOHD AZMAN, SUHAIB BIN DAUD, NG XINYING, HASMIZAN BIN ABDUL HAMID



Zawiah Mohamad - Pengurus Produksi

BANYAK melibatkan diri di belakang tabir. Sebagai Pengurus Pentas (ASM) teater *Tun Perak*, *Siti Zubaidah*, *Muzikal 23250 Tragedi Bukit Kepong* dan *Festival Tari 2000*. Kemudian diberi kepercayaan sebagai Pengurus Pentas dalam dramatari Malim Deman, teater kanak-kanak *Siti Di Alam Fantasi*, *Konsert Salam Terakhir Siti Nurhaliza Untukmu Sudir*, teater keliling *Alang Rentak Seribu* di Perak, Perlis dan Terengganu, *Spouse NAM XII*, *Ronggeng Rokiah*, *Dramatari Titiwangsa (2005)*, *Titian Budaya Malaysia - Brunei dan Konsert Istana Cinta : P. Ramlee dan Saloma*.

Beliau juga terlibat sebagai Pengurus Produksi dan Penolong Pengurus Produksi. Antaranya teater *Antara*, *Cindai*, *Merdeka!Merdeka!Merdeka!*, *Muzikal Chang and Eng*, *Japanese Drum Concert*, *Jewel Of Tibet*, *Sirah Junjungan (2008 & 2009)* dan *Muzikal Kanak-Kanak Ali Baba dan Muzikal Ibu Zain (2008)*. Pernah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada 2004 dari Kementerian, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Pada 2005 beliau telah mengikuti Program Administration Training Program For Cultural Professional In Asia di Korea Selatan selama enam bulan.



Z Azrin Haji Jantan - Pengurus Projek

MEMULAKAN kerjaya dalam bidang kewartawanan foto sejak 1993 setelah menamatkan pendidikan dalam bidang fotografi di Institut Kemahiran Belia Negara Peretak (IKBN) Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pernah berkhidmat sebagai jurufoto di Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Penolong Editor Unit Fotografi (Majalah Backbench) di bawah bekas Pengerusi Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan Datuk Ruhanie Ahmad pada 1996. Pernah berkhidmat di Faratech Corporation Berhad sebagai Business Development Executive.

Mula sebagai Penyelaras Produksi antaranya bersama Grup Seni Utusan (teater dan *Malam Puisi Utusan*) dari 1995 hingga 1997. Diberi kepercayaan PPWM sebagai Pengurus Produksi antaranya dalam teater *Lantai T.Pinkie (1997 & 2000)*, *Anugerah*, *Pelayaran Nur Atma*, *Bulan Menangis*, *Nyonya - Pengarah Projek (2004)*, *Dejavu* di Istana Budaya (2004) dan *Teater Muzikal Lantai T.Pinkie* di Istana Budaya (2006), *Nyonya* di Istana Budaya (2008), *Muzikal Patung Kertas*, *Muzikal Ibu Zain (2008)*, *Bukan Dejavu (2008)*. Beliau adalah Bendahari PPWM dari tahun 2004 hingga sekarang.



Krew Pentas

Mohd. Shahrul Mizad Ashari
Mohd Fauzuly Hamdan Tahir
Shariffah Mariam Syed Abdullah Al-Hadad
Siti Aishah Ali
Wan Azman Wan Ahmad
Nassruddin Mustaffa
Hisyammuddin bin Abdullah
Edil bin Jaafar
Muhd Hasrull Mohd Daud
Muhd Al-Sufi Ab. Razak
Khairul Azry Shohaimy
Muhamad Azhar Zainal
Nor Atiqah Bt Ahmad
Mohd Faizal b Othman
Mohd Noor Danial



Krew Teknikal

Samsudin bin Puasa
Mohd Azizi bin Mohamad
Shahrul Nizam bin Bakri
Norsyawaldi Zahar bin Ahmad
Sofyan Mohamad





Krew Kostume/make-up

Sarina Azizan
Istiadzah Ishak
Faridah Mading
Mohammad Nazri Ali







*Pementasan Muzikal
Ibu Zain Musim 1
12 - 18 Ogos 2008
Istana Budaya*



Tenaga Usaha

TENAGA KERJA PRODUKSI

Penerbit : Siti Rohayah Attan
Pengurus Produksi : Z.Azurin Jantan
Pengurus Pemasaran : Chloe H.B. Siao
Penyelaras Produksi : Zawiah Mohamad (Istana Budaya)
Pen. Penyelaras Produksi : Nooraini Harun (Istana Budaya)
Pemb. Pegawai Kebudayaan: Mohd. Izwan bin Izham (MaTiC)

TENAGA KERJA KREATIF

Pengarah & Penulis Skrip : Rosminah Mohd Tahir
Sinografer/Pereka Set : Hamzah Mohd Tahir
Pengarah Muzik: Nik Nizam Jaafar (Istana Budaya)
Pen. Pengarah Muzik: Mustaqim (Istana Budaya)
Pemuzik: Hadi Maswardi
Koreografer :Sharip Zainal Sagkif Shek
Pen. Koreografer: Hazra Bt Ghazaly
Pengarah Teknikal : Azizul Zahid Jamal
Pereka Grafik: Najif Faizal Mohd Tawel (Istana Budaya)
Penyelaras Set: Razali Itam (Istana Budaya)
Penyelaras Prop: Mohd Termizi Mokhtar (Istana Budaya)
Pembantu Pertukangan: Mohd Hasrull b. Mohd Daud (Istana Budaya)
Pereka & Penyelaras Kostum: Sarena Azizan (Istana Budaya)
Penyelaras solekan: Istiadziah Ishak (Istana Budaya)
Pembantu Kostum/Makeup: Faridah Mading (Istana Budaya), Afiqah Zainal Abidin, Sulaiman bin Fawti (Chesu), Fahizal Ismail, Mohammad Nazri Ali.
Pengurus Pentas : Mohd Shahrul Mizad Ashaari
Pen. Pengurus Pentas: Mohd Fauzuly Hamdan Tahir, Shariffah Mariam Syed Abdullah, Siti Aishah Ali, Wan Azman Wan Ahmad (Istana Budaya), Nasaruddin Mustafa (Istana Budaya).
Pemb. Pentas: Hisyammuddin bin Abdullah (MaTiC), Edil bin Jaafar (MaTiC), Muhd Hasrull Mohd Daud Muhd Al-Sufi Ab. Razak, Khairol Azry Shohaimy, Muhamad Azhar Zainal

TEKNIKAL


Juruteknik: Samsudin bin Puasa (MaTiC), Mohd Azizi bin Mohamad (MaTiC), Shahrul Nizam bin Bakri (MaTiC), Norsyawaldi Zahar bin Ahmad (MaTiC), Sofyan Mohamad.

Pembantu Panggung: Balkis Omar & Pn Chee Ah Moi, Royah Abd Samad, Ranofla Dianti Irwan, Azlen Salod, Rosman Wahid, Rosdan Wahid, Hamzah Mohd Yunus, Muhamad Azhar bin Zainal, Khairol Azry bin Shohaimy, Muhammad Al-Sufi bin Ab Razak.

Pengacara: Rosnan Abdul Rahman (Istana Budaya)

Sekalung Budi

DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah
Tun Dr Mahathir Mohamad
Kerabat Istana Negara
Pejabat Timbalan Perdana Menteri
AMAN Malaysia
PPWM
Istana Budaya
ASWARA
MaTiC
De'Media & Event Entertainment
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Polis Diraja Malaysia
Arkib Negara
Filem Negara



Yayasan Warisan Johor
Pejabat Tekun Gombak
Ted Adzellan
Premio Enterprise
Aromarissa Sdn Bhd
Kaum Keluarga Allahyarhamah Tan Sri Zainun Munsyi Sulaiman
Puan Adibah Amin
Encik Sulaiman Shakib Amin
Puan Khalida Fadzilah Amin
YBhg. Tan Sri Sabbaruddin Chik
YBhg. Dato' Aziz Ishak
YBhg. Dato' Omar Awang
Pn Habsah Noordin
En. Othman Mohamad
En. Baharum Mahusin
En. Adam Salleh
En. Shahrudin Mustafa
En. Jinggo
En. Zainuri Misfar
En. Rosnan Abdul Rahman
Puan Noraini Razak
Puan Asmah Zakaria
Puan Fazreen Wahab
Pn. Pauziah Mohamed (Nestle)
Pn. Nastassia Mohd Farid (Nestle)

Bername TV
Bernama

RTM

Kumpulan Media Prima

Kumpulan Utusan

Kumpulan NST

Kumpulan Karangkraf

M-Star Online

The Star

Astro

VisionKL

Suria FM

Bloggers

Semua media massa

mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung
Al-Fatihah kepada Allahyarhamah Ibu Zain dan pejuang-pejuang agama, bangsa dan negara

